YAP FOOK PIN

lwn.

TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI, MALAYSIA & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
AZMEL MAAMOR PK
[PERMOHONAN JENAYAH NO. 44-2-92]
2 APRIL 1992

TAHANAN PENCEGAHAN: *Habeas Corpus - Tahanan pencegahan - Pemohon ditahan selama 2 tahun - Permohonan writ habeas - Perintah dikeluarkan untuk membatalkan tahanan pemohon oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri - Pada tarikh yang sama Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengeluarkan perintah untuk menahan pemohon selama 9 bulan - Kemudian satu lagi perintah dikeluarkan supaya tahanan pemohon dilanjutkan selama 2 tahun lagi - Adakah Timbalan Menteri mematuhi undang-undang apabila membuat perintah melanjutkan tahanan pemohon - Laporan Lembaga Penasihat - Adakah laporan itu peribadi - Menimbangkan oleh Timbalan Menteri.*

Permohonan ini adalah oleh pemohon bagi mendapat suatu writ *habeas corpus* supaya beliau dibebaskan dari tahanan. Isu yang timbul di dalam kes ini adalah samada Timbalan Menteri perlu menimbangkan laporan Lembaga Penasihat.

Diputuskan:

[1] Kesimpulan yang Mahkamah dapati dari kandungan s. 11 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 itu adalah Menteri mestilah menimbangkan laporan Lembaga Penasihat sebelum membuat apa - apa keputusan mengenai tahanan itu. Sekurang - kurangnya Menteri hendaklah menentukan samada Lembaga Penasihat membuat recommendation untuk membatalkan tahanan itu.

[2] Sungguhpun laporan Lembaga Penasihat telah dikemukakan kepada Timbalan Menteri mengikut afidavit setiausaha kepada Lembaga Penasihat, tetapi Timbalan Menteri langsung tidak mengatakan atau menyentuh di mana-mana dalam afidavitnya mengenai laporan Lembaga Penasihat itu. Maka timbul keraguan bahawa Timbalan Menteri tidak menimbangkannya sungguhpun laporan itu telah dikemukakan.

[3] Memandangkan adanya keraguan bahawa Timbalan Menteri telah tidak menimbangkan laporan Lembaga Penasihat yang perlu ditimbangkan mengikut s. 11 Akta tersebut sebelum ia mengeluarkan perintah lanjutkan tahanan terhadap pemohon dibuat di bawah s. 11A Akta tersebut, saya dengan ini mengarahkan supaya pemohon dibebaskan dari tahanan dengan serta merta.

[Pemohon di bebaskan dari tahanan dengan serta-merta.]

Kes-kes yang dirujuk:

PP lwn. Koh Yoke Koon [1988] 1 CLJ (Rep) 269 ***(dirujuk)***

Tan Hoon Seng lwn. Minister of Home Affairs, Malaysia & Yg. Ln. [1990] 1 CLJ (Rep) 271 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Dangerous Drugs Act (Special Preventive Measures) 1985, ss. 6(1), 11A, 11B, 11(3), (4), 11A(1)(a)(aa)

Bagi pihak pemohon - Karpal Singh; T/n. Karpal Singh & Co.
Bagi pihak kedua-dua responden - Ahmad b. Haji Maarof, Peguam Kanan Persekutuan

PENGHAKIMAN

Azmel Maamor PK:

Pemohon telah ditahan sejak 1 Disember 1988 selama 2 tahun di bawah s. 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Pemohon telah ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak, Batu Gajah, Perak.

Pada 31 Mac 1990 Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengeluarkan perintah di bawah s. 11B membatalkan tahanan pemohon. Bagaimana pun pada tarikh yang sama Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengeluarkan perintah di bawah s. 6(1) dibaca bersama s. 11B mengarahkan supaya pemohon ditahan selama 9 bulan.

Pada 27 Disember 1990 Timbalan Menteri telah pula mengeluarkan perintah di bawah s. 11A mengarahkan supaya tahanan pemohon dilanjutkan selama 2 tahun lagi.

Pemohon telah memohon supaya beliau dibebaskan. Alasan pemohon adalah Timbalan Menteri waktu membuat perintah melanjutkan tahanan pemohon adalah tidak mematuhi undang - undang, khususnya Timbalan Menteri tidak mempertimbangkan laporan Lembaga Penasihat waktu beliau memutuskan untuk melanjutkan tahanan pemohon selama 2 tahun lagi.

Di dalam perkara ini kandungan s. 11 Akta Dadah Berbahaya (Langkah - langkah Pencegahan Khas) 1985 adalah berkaitan terutama sekali s. 11(3) dan s.11(4). Di bawah s. 11(3) jika Lembaga Penasihat melaporkan supaya tahanan itu dibatalkan, Menteri adalah dikehendaki mematuhi recommendation Lembaga Penasihat itu. Di bawah s. 11(4), jika Lembaga Penasihat melaporkan supaya tahanan itu dilanjutkan, Menteri diberi discretion samada bersetuju dengan recommendation Lembaga Penasihat atau tidak.

Kesimpulan yang saya dapati dari kandungan s. 11 itu ialah Menteri mestilah menimbangkan laporan Lembaga Penasihat sebelum membuat apa - apa keputusan mengenai tahanan itu. Sekurang - kurangnya Menteri hendaklah menentukan samada Lembaga Penasihat membuat recommendation untuk membatalkan tahanan itu. Perkataan "the Minister **may** continue ..." di dalam s. 11(4) tidak boleh dijadikan sebagai alasan bahawa Menteri tidak perlu menimbangkan laporan Lembaga Penasihat. Pada pendapat saya **kuasa** yang ada pada Menteri hendaklah dibezakan dengan **acara** yang Menteri mesti lakukan. Memang benar Menteri diberi kuasa samada hendak mengikut recommendation Lembaga Penasihat di bawah s. 11(4) atau tidak. Akan tetapi sebelum menjalankan kuasanya itu menteri mestilah mengikut acaranya yang telah ditetapkan iaitu mestilah menimbangkan laporan Lembaga Penasihat. Jikalau Menteri tidak menimbangkan laporan Lembaga Penasihat itu dimanakah timbulnya soal discretion yang dimaksudkan di dalam s. 11(4) itu?

Setelah menentukan perkara undang - undang saya ingin pula menyentuh fakta - fakta yang berkaitan dengan kes ini.

Dokumen yang berkaitan ialah afidavit Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Lampiran 19), khususnya perenggan 10 dan 11. Bagi menyenangkan rujukan, saya salinkan perenggan itu di bawah:

> 10. Sebelum tempoh perintah tahanan terhadap pemohon tamat, saya telah menerima laporan dan maklumat dari pihak polis supaya perintah tahanan terhadap pemohon dilanjutkan.
>
> 11. Setelah menimbangkan semula laporan dan maklumat yang dikemukakan kepada saya, saya berpuashati bahawa pemohon perlu terus ditahan. Seterusnya saya telah mengarahkan supaya jangkamasa perintah tahanan terhadap pemohon di bawah s. 11A(1)(a)(aa) Akta dilanjutkan

selama 2 tahun mulai dari tarikh tamat tempoh tahanan yang ada sekarang di atas alasan - alasan yang atasnya perintah itu dibuat asalnya. Satu salinan perintah lanjutan tersebut yang telah disahkan adalah dilampirkan dan ditandakan sebagai "MJMA5".

Dari perenggan 10 affidavit ini Timbalan Menteri menyebut bahawa laporan dan maklumat yang diterima ialah dari pihak polis. Beliau tidak menyebut langsung mengenai laporan dari Lembaga Penasihat. Perenggan 11 dibaca bersama - sama perenggan 10 bererti laporan yang dipertimbangkan oleh Timbalan Menteri hanyalah laporan yang diterima dari pihak polis. Lembaga Penasihat bukan pihak polis.

Peguam Kanan Persekutuan yang mewakili responden telah berkata bahawa laporan Lembaga Penasihat telah pun dikemukakan kepada Timbalan Menteri mengikut perenggan 6 affidavit Encik Khalid bin Ahmad, setiausaha kepada Lembaga Pengarah (Lampiran 18). Oleh yang demikian Mahkamah boleh membuat anggapan oleh kerana laporan Lembaga Penasihat telah dikemukakan kepada Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, maka laporan itu telah dipertimbangkan oleh Timbalan Menteri.

Encik Karpal Singh bagi pihak pemohon telah menyangkal hujah ini dan telah mengemukakan kes - kes yang berhubung dengan kes tahanan di mana Mahkamah telah menginterpritasikan undang - undang dan dokumen - dokumen yang berkaitan dengan menggunakan 'strict interpretation'.

Ada banyak kes - kes di mana Mahkamah menggunakan strict interpretation terhadap kes - kes tahanan. Memadailah jika saya cuma sebutkan satu atau dua kes sahaja. Satu daripadanya ialah *Public Prosecutor lwn Koh Yoke Koon* [1988] 1 CLJ (Rep) 269 di mana Yang Arif Hashim Yeop Sani SCJ (ianya pada masa itu) berkata:

Where a law deals with detention there are abundant authorities to show that the provisions of such a law must be construed strictly and in case of doubt the court should lean in favour of the subject.

Di dalam kes *Tan Hoon Seng lwn. Minister of Home Affairs, Malaysia & Anor.* [1990] 1 CLJ (Rep) 271 Yang Arif Hashim Yeop Sani, CJ (Malaya) telah berkata:

The law of preventive detention must be construed strictly and in the case of doubt the Court should lean in favour of the subject.

Berpandukan kepada prinsip yang tersebut di atas sungguhpun laporan Lembaga Penasihat telah dikemukakan kepada Timbalan Menteri mengikut affidavit Encik Khalid bin Ahmad, tetapi Timbalan Menteri tidak langsung mengatakan atau menyentuh di mana - mana di dalam affidavitnya mengenai laporan Lembaga Penasihat itu. Maka timbullah keraguan bahawa Timbalan Menteri tidak menimbangkannya sungguhpun laporan itu telah dikemukakan.

Memandangkan adanya keraguan bahawa Timbalan Menteri telah tidak menimbangkan laporan mengikut s. 11 sebelum ia mengeluarkan perintah lanjutan tahanan terhadap pemohon dibuat di bawah s. 11A Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 saya dengan ini mengarahkan supaya pemohon dibebaskan dari tahanan dengan serta merta.

Also found at [1992] 2 CLJ 983